

Kolaborasi JPKK, industri terajui bidang TVET

4/4/19 - 54

➔ Berupaya lahir graduan berkemahiran tinggi, penuhi kehendak pasaran pekerjaan

Oleh Nor Azma Laila
norazma@bh.com.my

▀ Kuala Lumpur

Kerjasama erat antara Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPKK) dengan industri menjadikan institusi pengajian tinggi (IPT) itu terus kekal menerajui bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) di negara ini sejak 50 tahun lalu. Sekali gus melahirkan graduan berkemahiran tinggi yang mampu memenuhi kehendak pasaran.

Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPKK), Prof Datuk Dr Mohd Ismail

Abdul Aziz, berkata kolaborasi berterusan dengan industri itu juga penting bagi memastikan kokurikulum yang ditawarkan sentiasa relevan dengan permintaan pasaran.

Katanya, sebagai langkah memperkukuhkan hubungan JPKK dengan industri dalam akademik dan aktiviti kerjasama lain, satu jawatankuasa penasihat industri ditubuhkan pada April 2008 untuk memberi khidmat nasihat kepada jabatan dalam memba-nyangkan aktiviti jangkauan dan merangka pelan strategik yang berkaitan.

"Selain itu, politeknik turut menubuhkan jawatankuasa penasihat kebolehsasaran bagi menyediakan maklumat hala tuju industri



Pendidikan TVET kini menjadi antara pilihan utama pelajar ke peringkat IPT kerana keumikan kurikulum yang ditawarkan.

Fakulti diperkenalkan bagi mempelawa industri dan sektor awam untuk menyampaikan syarahan mereka di politeknik seterusnya menutup jurang antara teori dengan praktikal yang membenarkan kajian kes sebenar dilaksanakan dengan jayanya," katanya.

Kecerdasan buatan

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menghadiri temu bual secara langsung bersama Selamat Pagi Malaysia (SPM) di RTM, baru-baru ini sempena sambutan Jubli Emas 50 Tahun Politeknik Malaysia.

Sambutan Jubli Emas 50



Prof Mohd Ismail Abdul Aziz

Tahun Politeknik Malaysia yang akan diadakan di Politeknik Ungku Omar (PUO) pada 7 April ini bertujuan menghargai pencapaian dan sumbangan Politeknik

Malaysia kepada negara serta mengiktiraf kerjasama dan persepakan antara agensi kerajaan, swasta dan korporat yang membantu Politeknik Malaysia sehingga hari ini.

Prof Mohd Ismail berkata, dalam usaha melahirkan graduan berkemahiran tinggi bagi mendepani cabaran Revolusi Perindustrian 4.0 (Industri 4.0), JPKK turut menerapkan penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam kurikulum pengajiran yang dijangka menjadi perkara penting dalam perkembangan teknologi dan pasaran kerjaya pada masa akan datang.